

## **ABSTRAK**

Sistem pengurusan Islam tertegak di atas paradigma Tauhid yang diasaskan kepada beberapa prinsip utama. Ia merupakan satu model yang unggul kerana mampu membawa setiap individu ke arah ketaqwaan dan keimanan kepada Allah s.w.t selaras dengan tujuan hakiki manusia itu diciptakan. Atas keyakinan ini, maka seharusnya prinsip pengurusan Islam ini diaplikasikan secara total dalam organisasi bagi memastikan penghayatan konsep Khalifah dalam segala tugas dan gerakkerja yang dilakukan. Di Malaysia, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk memasukkan elemen-elemen Islam dalam pengurusan. Namun begitu, kerana terdapatnya kelemahan-kelemahan dari segi perlaksanaan dan penerimaannya, maka tidak dapat dinafikan bahawa masalah pengurusan masih terus kedengaran.

Dalam penyelidikan ini, perbincangan akan merangkumi sejarah, evolusi dan perkembangan nilai-nilai Islam dalam sektor awam di Malaysia. Tumpuan perbincangan mengenai prinsip-prinsip pengurusan Islam merupakan fokus utama dalam kajian. Satu analisis dilakukan untuk melihat tahap kefahaman, tahap penerimaan dan trend tanggapan kakitangan perkhidmatan awam terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam. Dalam pada itu, penyelidikan ini juga akan mengetengahkan cadangan-cadangan alternatif bagi meningkatkan tahap kefahaman kakitangan perkhidmatan awam terhadap prinsip-prinsip pengurusan Islam secara keseluruhannya.